

No.Rujukan : UTeM.100-1/3/5 Jilid 2 (10)



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 10 TAHUN 2026**

**PEROLEHAN SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)
MENGUNAKAN SUMBER DALAMAN UNIVERSITI**

Pejabat Bendahari
30 April 2026

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Penolong Naib Canselor (Strategik & Kelestarian Global)
Pegawai-Pegawai Kanan

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 10/2026

PEROLEHAN SECARA ATAS TALIAN (ONLINE) MENGGUNAKAN SUMBER DALAMAN UNIVERSITI

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bagi memaklumkan tentang Peraturan Perolehan Secara Atas Talian (Online) Menggunakan Sumber Dalam Universiti.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengguna pakai Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti sejak tahun 2019 berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan (1PP) di bawah Bidang Perolehan Kerajaan (PK). Peraturan ini telah dikemas kini dan diluluskan pada 15 Ogos 2019 melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2019.
- 2.2 Cadangan mewujudkan peraturan perolehan secara atas talian disebabkan faktor penjimatan berikutan pembelian atas talian melalui platform e-dagang (seperti shopee dan tik tok shop) adalah lebih menjimatkan berbanding perolehan dibuat dengan pihak syarikat melalui kaedah Pesanan Tempatan.
- 2.3 Perolehan secara atas talian dapat memberikan penjimatan kepada Universiti dan telah mematuhi prinsip perolehan Nilai Faedah Yang Terbaik.

2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 2/2026 yang telah bersidang pada 23 Februari 2026 telah meluluskan Peraturan Perolehan Secara Atas Talian (Online) Menggunakan Sumber Dalaman Universiti.

3.0 PERATURAN PEROLEHAN

3.1 Ringkasan Peraturan Perolehan Secara Atas Talian (Online) Menggunakan Sumber Dalaman Universiti seperti berikut;

Bil	Bab PKPU	Para PKPU	Butiran Peraturan
1.	Bab R – Perolehan-Perolehan Menggunakan Sumber Dalaman Universiti Yang Dikecualikan Daripada Tatacara Perolehan Universiti	Para 10 Peraturan Perolehan Secara Atas Talian (Online) Menggunakan Sumber Dalaman Universiti	<p>Sumber peruntukan; Sumber Dalaman Universiti sahaja.</p> <p>Had Nilai Perolehan; Perolehan secara atas talian adalah dibenarkan untuk amaun sehingga RM1,000.00 sahaja.</p> <p>Kajian Pasaran; Kajian Pasaran adalah dikecualikan.</p> <p>Walau bagaimanapun, PTj digalakkan hendaklah memastikan perbandingan harga seboleh-bolehnya satu (1) sebut harga dengan syarikat tempatan dibuat dan bekalan/perkhidmatan yang hendak dibeli itu adalah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.</p> <p>Dokumen sokongan bagi proses tuntutan bayaran balik pembelian atas talian adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Resit Rasmi/ Bukti pembayaran secara atas talian; ii. Perbandingan harga dengan syarikat tempatan

4.0 PERATURAN

- 4.1 Peraturan di bawah Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU) adalah seperti berikut :

**Bab R – PEROLEHAN-PEROLEHAN MENGGUNAKAN SUMBER
DALAMAN UNIVERSITI YANG DIKECUALIKAN DARIPADA
TATACARA PEROLEHAN UNIVERSITI**

- 4.2 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utem.edu.my/index.php/3-0-bahagian-pengurusan-perolehan-universiti>.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.
- 5.2 Surat Pekeliling Kewangan ini **berkuat kuasa mulai 23 Februari 2026**.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”
“KEBERSAMAAN MENDEPANI PERUBAHAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
FARA/Surat Pekeliling Kewangan/2026